

# PM pesan polis usah campur urusan politik

## Muhyiddin mahu proses undang-undang telus, lancar

Oleh Omar Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Johor Bahru:** Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Hamid Bador berkata Tan Sri Muhyiddin Yassin berpesan kepadanya supaya polis jangan masuk campur atau mengambil tindakan yang menyebelahi mana-mana pihak atau parti politik.

Katanya, pesanan itu disampaikan oleh Perdana Menteri kepadanya dalam satu pertemuan selama satu jam lima minit sebelum beliau bergerak ke Johor untuk lawatan rasmi kali pertama, di sini, semalam.

Abdul Hamid berkata Muhyiddin juga mahu proses undang-undang terus berjalan dengan telus tanpa gangguan.

“Itu pesanan Perdana Menteri kepada saya dalam pertemuan dari hati ke hati iaitu saya sebagai Ketua Polis Negara dan beliau sebagai Perdana Menteri pada pagi tadi (semalam).

“Perbualan cukup ikhlas, beliau (Muhyiddin) memberi pandangan dan penjelasan (mengenai) beberapa perkara salah satunya meminta supaya polis jangan masuk campur untuk hendak ambil tindakan yang dilihat menyebelahi mana-mana pihak atau parti politik.

“Proses undang-undang



Abdul Hamid Bador

mesti berjalan telus tanpa gangguan dan halangan, itu pesanan beliau (Muhyiddin),” katanya dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor di sini, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas mengenai dakwaan terdapat Ahli Parlimen yang mendakwa kerajaan didesak dalam kempen agresif dilakukan pihak tertentu untuk menyokong kerajaan sedia ada dan jika tidak berbuat demikian akan terdedah dengan penganiayaan.

Jelas Abdul Hamid, Polis Diraja Malaysia (PDRM) perlu sentiasa berada pada landasan yang betul.

Katanya setiap perkara mesti dilakukan tanpa memilih ‘bulu’.

“Sekiranya PDRM menyebelahi mana-mana pihak, negara akan menjadi tidak aman dan polis mesti dilihat berada di tengah-tengah.

“Jadi memang ada cu-

baan daripada pihak (yang) mentaliti lama daripada dulu lagi, mesti nak berbaik-baik dengan polis, kalau tak baik nanti semua benda tak boleh jalan, ini adalah idea lapuk,” katanya.

Dalam pada itu, Abdul Hamid juga mendedahkan sekelompok pegawai dalam PDRM cuba mencaturkan keadaan dan mencemar imejnya dengan tujuan menjatuhkan beliau.

Katanya, sebagai Ketua Polis Negara, gerakan sulit itu akan ditangani dengan sewajarnya, sebelum menjadi lebih parah kerana kumpulan itu mahu menguasai semua jawatan utama dalam PDRM.

“Saya hebahkan perkara ini kerana ia berpotensi menjadi kanser. Saya tidak boleh berdiam diri.

“Niat saya mahu berhentikan perkara ini supaya semua anak buah saya tahu bahawa budaya pasukan kecil ini wujudkan kluster atau koloni dengan cita-cita satu hari nanti menguasai badan tertinggi PDRM ini.

“Dan masa itu, mereka berbuat sesuatu apa sahaja mengikut kehendak mereka ... suatu yang jijik dan bahaya.

“Belum sampai (saya) kena buat laporan polis. Saya kena dedahkan. Saya ada bukti. Kalau kita perap nanti (mereka) jadi lebih berani. Saya mahu menyedarkan mereka jangan buat macam ini. Kita bekerja sebagai satu pasukan,” katanya.